

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENYATAAN MASALAH

Perikanan merupakan suatu yang saling tindakan di antara populasi ikan yang ditangkap dengan populasi nelayan dan persekitaran masing-masing.¹ Pengurusan perikanan memerlukan pengetahuan mengenai peralatan menangkap ikan. Terdapat banyak perbezaan daripada segi kecekapan pelbagai bentuk peralatan iaitu kesesuaian dengan keadaan tertentu dan kebolehan menjalankan kerja yang khusus. Oleh sebab itu, perikanan dan ekonomi adalah dua bidang yang tidak boleh dipisahkan, sama ada industri perikanan dagangan atau perikanan rekreasi.

Semenanjung Malaysia di kelilingi oleh Selat Melaka yang terletak di sebelah pantai barat dan Selat Tebrau di Selatan Semenanjung Malaysia, manakala di sebelah pantai timur pula di kelilingi oleh Laut China Selatan. Pada 25 April 1980, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan kawasan perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), dan dengan itu perairan negara telah bertambah dari 47,000 kepada 162,000 batu nautika persegi.² Pengisytiharan ZEE telah memberi hak kepada rakyat negara ini untuk mengeksploitasi sumber marin di kawasan tersebut.

Sektor perikanan Malaysia terus menerus memainkan peranan penting dalam menyumbang sumber makanan dan protein yang penting kepada negara. Sektor ini juga telah menyumbang sehingga 1.60 peratus kepada KDNK negara, serta memberi peluang pekerjaan kepada 81,994 orang

nelayan pada tahun 2000. Sektor perikanan laut pantai menghasilkan pengeluaran sekitar 1.1 juta tan metrik setahun.³ Pencapaian ini adalah hasil daripada usaha berterusan pengurusan sumber perikanan yang dilakukan oleh *Jabatan Perikanan Malaysia*.

Pada tahun 2000 pengeluaran dari sektor perikanan telah mencapai 1,453,590 tan metrik, bernilai RM5.37 Bilion,⁴ tetapi pengeluaran perikanan negara masih lagi belum dapat menampung keperluan tempatan bagi tujuan makanan harian. Ikan telah menyumbang kira-kira 60 peratus hingga 70 peratus daripada jumlah pengambilan protein haiwan yang dimakan oleh penduduk negara ini, pada kadar penggunaan 36 kilogram untuk seorang dalam tempoh setahun mengikut statistik pada tahun 1994.⁵

Memandangkan industri perikanan amat penting kepada negara, sewajarnya ia dibangunkan dengan usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh. Permintaan untuk ikan dijangka akan terus meningkat di masa akan datang.

“Dengan pertumbuhan penduduk yang pesat, permintaan ke atas ikan sebagai sumber protein utama telah meningkat. Kadar penggunaan ikan untuk setiap penduduk dijangka akan meningkat daripada lebih kurang 40 kg kepada kira-kira 60 kg menjelang tahun 2010”.⁶

Sektor perikanan di Semenanjung Malaysia telah berkembang dengan pesat. Perkara ini dapat dibuktikan pada tahun 1970, pendaratan ikan adalah sebanyak 294,296 tan metrik⁷ telah meningkat kepada 398,775 tan metrik pada tahun 2000⁸ dan kadar peningkatan adalah sebanyak 35.5 peratus. Pada tahun 1970 jumlah eksport hasil perikanan juga telah meningkat daripada 109,146 tan metrik⁹ kepada 136,044 tan metrik pada tahun 1999 dan

kadar peningkatan adalah sebanyak 24.6 peratus. Manakala nilai eksport sektor ini juga telah meningkat dari RM96,055,858 kepada RM1,155.1 juta pada tahun 1999.¹⁰

Namun demikian jika dilihat dalam penggunaan vesel di Semenanjung Malaysia pada tahun 1970 telah menunjukkan pengurangan iaitu daripada 20,306¹¹ kepada 18,564 buah vesel pada tahun 2000.¹² Keadaan ini telah menunjukkan kadar pengurangan sebanyak 8.6 peratus. Di samping itu perkara yang sama juga telah berlaku ke atas penggunaan perkakas menangkap ikan dan bilangan nelayan yang melibatkan diri dalam sektor tersebut. Dalam tahun yang sama, ia telah berkurangan daripada 15,613 pada tahun 1970¹³ kepada 5,469 pada tahun 2000¹⁴ dan kadar penurunannya adalah secara mendadak iaitu sebanyak 64 peratus. Manakala bagi bilangan nelayan pula telah berkurangan, iaitu daripada 68,154 orang pada tahun 1970¹⁵ telah merosot sebanyak 24.7 peratus menjadi 51,299 orang pada tahun 2000.¹⁶

Negara Malaysia telah mengalami perkembangan yang pesat dalam sektor pendidikan dan perindustrian. Perkembangan ini telah menyebabkan berlakunya migrasi dalaman secara besar-besaran, di mana tenaga buruh dari luar bandar telah berhijrah ke bandar. Keadaan ini menyebabkan pemilik vesel tempatan menghadapi masalah yang serius untuk mendapatkan tenaga buruh tempatan dalam sektor perikanan. Mengikut Perangkaan Tahunan Jabatan Perikanan Kelantan, penglibatan nelayan tempatan dalam sektor ini telah berkurangan daripada 5,316 orang pada tahun 1970 kepada 1,909 orang pada tahun 2001.¹⁷

Mengikut Perangkaan Tahunan Jabatan Perikanan Malaysia, negara pada masa ini sedang menghadapi masalah untuk membangunkan industri perikanan kerana menghadapi masalah kekurangan buruh perikanan tempatan. Ini kerana kebanyakan pekerja atau nelayan tempatan khususnya golongan muda didapati tidak berminat untuk bekerja di atas vesel laut dalam. Di samping mereka tidak tahan cabaran di laut, pelbagai peluang pekerjaan yang lebih menarik dari segi suasana kerja, upah serta lain-lain imbuhan yang berpatutan terdapat di bandar-bandar besar, merupakan antara faktor utama yang menghilangkan minat golongan muda untuk berkecimpung dalam bidang perikanan. Dalam masa yang sama, golongan tua yang dahulunya melibatkan diri sepenuh masa dalam sektor perikanan telah semakin meninggalkan bidang pekerjaan ini akibat ketuaan mereka.

Untuk mengatasi masalah ini kerajaan telah membuka peluang kepada buruh perikanan asing untuk datang bekerja sebagai buruh perikanan di Malaysia dan didaftarkan sebagai buruh perikanan yang sah, dan buruh ini diberi permit pekerja untuk tempoh setahun. Pada tahun 2001 Semenanjung Malaysia telah menggunakan seramai 10,224 orang buruh perikanan asing daripada pelbagai bangsa, iaitu 56 Indonesia, 131 lain-lain bangsa (India, Portugis dan Orang Asli) dan 10,037 orang adalah buruh perikanan Thai. Orang Thai merupakan bangsa yang tertinggi menjadi buruh perikanan di Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 18.71 peratus daripada jumlah keseluruhan nelayan negara ini. Buruh perikanan Thai didapati dengan banyaknya di negeri-negeri Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan Thailand seperti Perlis (3,885 orang), Kedah (1,086 orang), Terengganu (1,033 orang) dan Kelantan (3,818 orang). Selain daripada itu buruh perikanan Thai juga terdapat di Pahang (186 orang), Selangor (17 orang) dan Perak (12

orang). Selain Semenanjung Malaysia, buruh perikanan Thai juga terdapat di Sarawak seramai 1,380 orang.¹⁸

Pola pengambilan buruh perikanan Thai yang ramai dan semakin meningkat ini telah menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji tentang penglibatan buruh perikanan Thai dalam industri perikanan negara ini, khususnya dalam perusahaan perikanan laut dalam. Dalam hal ini pengkaji telah memilih Tok Bali, Kelantan sebagai lokasi kajian kerana ia merupakan salah sebuah pelabuhan perikanan laut dalam utama yang dirancang oleh pihak kerajaan. Sehingga bulan April 2002, bilangan buruh perikanan Thai yang berdaftar secara sah di Tok Bali, Kelantan adalah seramai 1,752 orang. Bilangan ini merupakan 86.73 peratus daripada jumlah keseluruhan nelayan di negeri Kelantan pada tahun 2001.

1.1 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang penglibatan buruh perikanan Thai dalam sektor perikanan di Semenanjung Malaysia. Dalam hal ini, Tok Bali, Kelantan telah dijadikan sebagai kes kajian.

Bagi mencapai tujuan kajian di atas beberapa objektif penting telah disusun sebagaimana yang disenaraikan di bawah :

Objektif pertama, untuk mengkaji latar belakang dan perkembangan perusahaan perikanan di Semenanjung Malaysia. Penelitian akan ditumpukan kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam sektor perikanan sehingga membawa kepada kemasukan buruh perikanan Thai, khususnya dalam perusahaan perikanan laut dalam.

Objektif kedua, untuk mengkaji proses kedatangan buruh perikanan Thai ke Tok Bali, Kelantan. Kajian ini akan meneliti beberapa aspek yang berhubung dengan buruh perikanan Thai seperti tempat asal, agama, umur, faktor penarik dan penolak buruh perikanan Thai berhijrah ke Tok Bali. Selain daripada itu kajian ini juga akan meneliti proses kemasukan buruh perikanan Thai, yang bermula dari negara asal hinggalah diterima bekerja di bot-bot perikanan di Tok Bali.

Objektif ketiga, untuk mengkaji aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh buruh perikanan Thai sebelum keluar ke laut, semasa di tengah laut dan setelah kembali semula ke daratan. Fokus kajian adalah untuk melihat pekerjaan yang dilakukan daripada peringkat awal keluar ke laut sehinggalah mendaratkan hasil tangkapan di jeti.

Objektif terakhir, untuk mengkaji tentang pendapatan utama dan pendapatan sampingan yang diperoleh oleh buruh perikanan Thai. Penekanan akan diberi tentang cara bagaimana sumber perolehan sesebuah bot di agih-agihkan di kalangan pekerja. Selain pendapatan, kajian ini turut juga melihat corak perbelanjaan dan seterusnya tabungan yang dilakukan oleh buruh perikanan Thai semasa di Tok Bali.

1.2 KAWASAN KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan secara terperinci di Tok Bali, Kelantan. Tok Bali merupakan sebuah mukim penghulu yang terletak di Jajahan Pasir Puteh, Kelantan. Bentuk muka bumi Jajahan Pasir Puteh terbahagi kepada tanah yang berbukit dan tanah pamah. Tanah berbukit kebanyakannya bersempadan dengan Jajahan Machang dan Bachok. Tanah rendah pula di aliri oleh sungai utama iaitu Sungai Semerak dan beberapa anak sungai yang


lain. Pasir Puteh mempunyai persisiran pantai Laut China Selatan yang menghubungkan Jajahan Bachok, Kota Bharu dan Tumpat.

Pada asalnya, Tok Bali merupakan sebuah kawasan terpencil dan tidak dibangunkan oleh pihak kerajaan sepenuhnya. Malah kawasan ini juga tidak mempunyai kemudahan yang lengkap untuk mendaratkan ikan. Oleh itu segala kemudahan untuk nelayan mendaratkan hasil yang diperolehi adalah atas usaha penduduk kampung itu sendiri. Sejak kebelakangan ini, Tok Bali mula mendapat perhatian daripada pihak kerajaan apabila ia menjadi tempat pendaratan ikan dari Kuala Besut.


Pada masa kini, Tok Bali merupakan sebuah lokasi perikanan yang terbaik di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Malah ia berpotensi untuk dibangunkan sebagai sebuah kawasan industri perikanan yang penting di Malaysia. (Sila lihat Gambar 1.1). Ini disebabkan Tok Bali mempunyai sebuah muara yang terlindung daripada ombak yang besar dan selamat untuk dijadikan tempat pelabuhan bot-bot nelayan, kerana kawasan ini bebas daripada proses pemendapan. Di sekitar muara Tok Bali telah dibina benteng untuk menahan hakisan ombak. Keadaan ini membolehkan bot-bot nelayan keluar dan masuk dengan bebas walaupun pada waktu air surut.¹⁹ (Sila lihat Peta 1.1).

Keluasan Jajahan Pasir Puteh adalah kira-kira 433.83 kilometer persegi. Pada tahun 1991 penduduk Jajahan Pasir Puteh seramai 96,806 orang, manakala pada tahun 1996 telah meningkat menjadi 1,120,925 orang. Kadar pertumbuhan tahunan penduduk ialah 2.9 peratus, daripada jumlah penduduk seramai 108,460 orang Melayu, 1,330 orang Cina, 50 orang India, 1,060 orang lain-lain bangsa dan 960 orang warga asing.²⁰

Gambar 1.1 : Pusat Perikanan Laut Dalam Di Tok Bali



Peta 1.1 : Lokasi Penglibatan Buruh Perikanan Thai Di Tok Bali



Sumber : Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) 2004

Tok Bali terletak kira-kira 25 kilometer dari Bandar Pasir Puteh dan 40 kilometer dari Bandar Kota Bharu. Tok Bali merupakan sebuah perkampungan nelayan yang terletak di Daerah Semerak dan bersempadan dengan Daerah Bachok. Kampung yang bersebelahan dengan Tok Bali ialah Kampung Kulim, Kampung Cherang Ruku dan Kampung Dalam Rhu.

Tok Bali mempunyai pelbagai kemudahan seperti jalan raya, sekolah, klinik, balai raya dan perkhidmatan pos. Manakala terdapat sebuah projek yang akan diusahakan di Tok Bali ialah Projek Bandar Baru yang melibatkan kawasan seluas 3000 ekar. Dalam kawasan ini terdapat pelbagai kelengkapan dan kemudahan yang akan dibina seperti jeti pendaratan ikan, kilang air batu dan kilang berasaskan ikan. Kesemua rancangan Projek Bandar Baru adalah untuk membangunkan sektor perikanan yang terdapat di Tok Bali.

Pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan syarikat swasta telah bekerjasama untuk membangunkan pelabuhan Tok Bali. Umpamanya, Kerajaan Pusat telah membina jambatan baru yang menghubungkan Tok Bali dengan kawasan sekitarnya. Manakala Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pula bercadang untuk membangunkan pelbagai kemudahan seperti jeti pendaratan ikan sepanjang 50 meter dan bilik dingin beku untuk menyimpan ikan sebelum dipasarkan pada musim tengkujuh.

Pihak swasta turut juga membangunkan pelabuhan perikanan di Tok Bali, seperti Kekal Lestari Sdn. Bhd, Maznan Fisheries Sdn. Bhd, Yee Trading & Resources Management Sdn. Bhd, CM Fisheries (M) Sdn. Bhd. Perikanan Laut Dalam Jet 7 dan syarikat swasta yang lain sentiasa berusaha

untuk memiliki sendiri tempat pendaratan ikan, kilang air batu, bengkel penyelenggaraan enjin, limbungan pembaikan bot dan menyediakan pelbagai keperluan sampingan kepada nelayan.

Pihak kerajaan telah membangunkan Tok Bali melalui proses pembinaan jambatan dan pembesaran kuala sungai. Pelabuhan perikanan Tok Bali telah dibuka dengan rasminya pada Julai 1994. Selain daripada itu, pihak Kerajaan Negeri telah membangunkan lokasi ini dengan menganjurkan pelbagai aktiviti, seperti pertandingan Joran Grand Prix (GP) yang telah diadakan pada 30 dan 31 Ogos 1998. Manakala pada 11 Mei 2002, Pelabuhan Tok Bali telah menjadi tuan rumah bagi penutup Pesta Air Nasional.

Penganjuran aktiviti tersebut turut mempromosikan Tok Bali kepada negara jiran terutamanya negara Thailand. Keadaan ini membolehkan negara Thailand melihat sendiri perkembangan pelabuhan Tok Bali sebagai pelabuhan perikanan yang penting di negeri Kelantan dan seterusnya menarik lebih ramai pengusaha ikan dari negara Thailand untuk bekerjasama dengan pengusaha tempatan bagi membangunkan lagi pelabuhan tersebut.

1.3 METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan yang telah dijalankan ini melibatkan beberapa kaedah penyelidikan. Dalam hal ini, pengkaji telah menggunakan kaedah perpustakaan, temu bual, soal selidik dan pemerhatian ikut serta.

1.3.1 KAEDAH PERPUSTAKAAN

Sebelum penyelidikan dijalankan di lokasi kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah perpustakaan terlebih dahulu untuk memudahkan pengkaji mengumpul maklumat awal mengenai latar belakang sejarah,

ekonomi, geografi, dan sosial kawasan yang hendak dikaji. Kaedah ini turut digunakan untuk mendapatkan maklumat awal mengenai perangkaan buruh perikanan Thai, jumlah pendaratan ikan, perkakas yang digunakan, bilangan bot dan kuantiti serta nilai eksport dan import sumber perikanan yang terdapat di kawasan kajian.

Untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang relevan dengan tajuk kajian, pengkaji telah memilih beberapa buah perpustakaan sebagai tempat mengumpulkan bahan-bahan sekunder antaranya termasuklah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Perpustakaan Jabatan Perikanan Malaysia, Perpustakaan Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), INFOFISH, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Jabatan Perikanan Kelantan, Perpustakaan Jabatan Perikanan Bachok/ Pasir Putih dan Perpustakaan Negeri Kelantan.

1.3.2 KAEDAH PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian digunakan untuk melihat gambaran sebenar cara buruh perikanan Thai bekerja di atas bot-bot perikanan di Tok Bali. Bagi melaksanakan kaedah ini, pengkaji telah turun ke kawasan kajian dan membuat pemerhatian selama lebih kurang satu bulan iaitu bermula pada 10 April 2002 hingga 29 Mei 2002. Sepanjang tempoh tersebut pengkaji telah memerhati dan mengumpulkan maklumat tentang penglibatan buruh perikanan Thai, seperti melihat persiapan awal sebelum keluar ke laut dan aktiviti yang dijalankan semasa mendaratkan ikan di pelabuhan.

Untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam, pengkaji telah menjalankan kajian dengan menggunakan pendekatan pemerhatian ikut

serta. Pengkaji telah ikut serta dalam aktiviti-aktiviti membuat unjam, *membubu* (menjahit) pukot, menggredkan ikan mengikut saiz dan jenis hasil tangkapan, mempelajari kaedah mengeluarkan ikan dari *hompral* dan masukkan ke dalam bakul plastik, mengisi ikan bersama air batu ke dalam tong ikan dan akhir sekali ialah menjalankan kerja-kerja menimbang ikan. Kesemua kerja ini dijalankan bersama-sama dengan buruh perikanan Thai di atas bot pukot tunda dan bot pukot jerut di Tok Bali.

1.3.3 KAEDAH SOAL SELIDIK

Semasa di lokasi kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah soal-selidik ke atas buruh perikanan Thai. Setelah memperoleh data-data berhubung bilangan buruh perikanan daripada Jabatan Perikanan Negeri Kelantan, pengkaji telah membuat analisis dan mendapati pada bulan April 2002 di Tok Bali mempunyai 1,752 buruh perikanan Thai yang bekerja dengan dua belas syarikat pengusaha ikan tempatan.²¹

Kaedah soal-selidik telah digunakan untuk mendapat maklumat secara terperinci tentang penglibatan buruh perikanan Thai di Tok Bali. Daripada jumlah 1,752 orang tersebut, pengkaji telah mengambil sampel sebanyak sepuluh peratus, iaitu seramai 175 orang. Responden yang terpilih terdiri daripada buruh perikanan yang bekerja di bot pukot jerut dan bot pukot tunda yang dipilih secara rawak. Satu set soal selidik yang antara lain menanyakan tentang umur, agama, taraf perkahwinan, pekerjaan di tempat asal, pendapatan, perbelanjaan, aktiviti semasa tidak ke laut, dan lain-lain telah ditanyakan kepada buruh perikanan Thai. (Sila lihat lampiran borang soal-selidik). Maklumat yang diperolehi ini telah diproses dengan

menggunakan komputer menerusi program Pakej Statistik Sosial Sains (SPSS).

1.3.4 KAEDAH TEMU BUAL

Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual secara formal dan tidak formal semasa berada di kawasan kajian. Kaedah temu bual secara formal dijalankan dengan Ketua Daerah Perikanan Bachok/ Pasir Putih, Pegawai Unit Sistem Maklumat Pengurusan Perikanan (SMPP), Pengarah Perikanan Kelantan, Ketua Unit Pengurusan dan Kawal-Selia serta Ketua Kampung Tok Bali.

Pengkaji juga telah membuat temu bual secara tidak formal dengan beberapa orang *Taikong* Thai yang menjadi *Taikong* di Tok Bali. Kaedah temu bual ini dijalankan untuk mendapatkan bilangan sebenar penggunaan buruh perikanan Thai di dalam setiap bot pukat tunda dan bot pukat jerut. Pengkaji juga telah mengemukakan beberapa soalan seperti proses kedatangan buruh Thai, pengalaman buruh perikanan Thai semasa di laut dan lain-lain.

Di samping itu pengkaji juga telah mengadakan temu bual dengan penguasa bot bertujuan untuk mengetahui proses kedatangan buruh perikanan Thai, syarat-syarat yang perlu diikuti oleh pengusaha vesel tempatan untuk membawa masuk buruh perikanan dari Thailand, sistem pembahagian pendapatan, berapa lama masa yang digunakan oleh buruh perikanan Thai ke laut dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan buruh perikanan Thai di Tok Bali.

1.4 KAJIAN TERDAHULU

Pengkajian tentang sektor perikanan merupakan satu bidang yang amat luas, meliputi antara lain bidang saintifik, teknikal, perubatan, sains dan alam semula jadi, ekonomi, perniagaan, undang-undang, pengurusan dan polisi, sumber daya, teknologi, sejarah, kemasyarakatan, politik dan falsafah, dan lain-lain. Biasanya kajian yang dilakukan merentasi atau saling berkaitan antara bidang seperti yang dapat dilihat di dalam kajian-kajian yang dilakukan oleh Miriam Wright²², Hrishikes Bhattacharya²³, Suzanne Iudicello²⁴, H.J. Stephen²⁵, I.C. Danilo²⁶ dan lain-lain.

Sementara itu kajian dalam sektor perikanan yang melibatkan bidang kemasyarakatan banyak melibatkan isu-isu politik, sosial dan falsafah seperti yang diperlihatkan dalam kajian-kajian yang dijalankan oleh Sally Festing²⁷, Maarten Bavinck²⁸, Olav Schram²⁹, Anthony T.Charles³⁰, David Griffith³¹ dan James Miller³².

Walau bagaimanapun setakat ini masih belum terdapat sebarang kajian baik di peringkat kebangsaan mahu pun di peringkat antarabangsa yang meneliti tentang pergerakan buruh perikanan yang melampaui sempadan antarabangsa. Kajian tentang migrasi buruh antarabangsa secara umum telah banyak dijalankan, tetapi tidak melibatkan buruh perikanan.

Karya terkemuka yang awal tentang perusahaan perikanan di Malaysia telah ditulis oleh Raymond Firth dalam bukunya berjudul **Malay Fishermen: Their Peasant Economy**³³. Buku ini ditulis hasil penemuan kajian beliau di Perupok, Kelantan. Beliau telah menggambarkan keadaan hidup kaum nelayan di kawasan kajian yang antara lainnya menyentuh tentang kaedah menangkap ikan, pendaratan hasil tangkapan hinggalah kepada sistem

pemasaran. Walaupun Kelantan berjiran dengan Thailand, namun begitu dalam kajian ini tidak pula dinyatakan tentang keterlibatan buruh perikanan Thai di negeri Kelantan pada masa itu.

Lebih kurang empat puluh tahun kemudian, di tempat yang sama Ishak Shari telah menjalankan kajian yang menumpukan kepada perubahan-perubahan yang telah berlaku dalam kehidupan nelayan. Hasil kajian tersebut telah diterbitkan dalam bukunya berjudul **Ekonomi Nelayan : Pengumpulan Modal, Perubahan Teknologi Dan Perbezaan Ekonomi**³⁴. Persoalan tentang perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat nelayan akibat daripada proses pemodenan ini telah dibincangkan oleh beliau dengan terperinci dalam bukunya yang berjudul **Technology And Social Change: The Impact of Technological Development Fishing Communities in East Coast of Peninsular Malaysia**³⁵. Beliau menyentuh secara mendalam tentang kemasukan teknologi perikanan moden dan kesannya kepada komuniti nelayan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kesan penggunaan teknologi dilihat dalam proses pendaratan, pemasaran, penyerapan dan penggunaan buruh perikanan, produktiviti buruh, pelaburan modal, taburan pendapatan, struktur sosial dan perubahan sistem sosial. Ishak Shari juga tidak menyatakan adanya penglibatan buruh perikanan Thai di negeri Kelantan dalam kajiannya.

Kesan penggunaan teknologi perikanan moden terhadap kaum nelayan telah juga ditulis oleh Amaluddin Bakeri. Beliau mengkaji kesan teknologi perikanan moden terhadap komuniti nelayan artisanal di Kampung Ru Sembilan, Pattani, Thailand sekitar pertengahan tahun 1990an.³⁶ Sementara itu Jahara Yahaya³⁷ pula mengkaji tentang kesan perusahaan

pukat tunda kepada sosioekonomi kaum nelayan di Malaysia. Kedua-dua kajian tersebut walaupun ada kaitannya dengan pukat tunda, namun begitu tidak membicarakan tentang buruh perikanan Thai yang mana pada dua dekad kebelakangan ini banyak terlibat dengan perusahaan pukat tunda di Semenanjung Malaysia.

Selain daripada kajian tentang kesan penggunaan teknologi perikanan moden, terdapat beberapa kajian yang cuba mendokumentasikan jenis-jenis peralatan dan teknologi menangkap ikan yang diusahakan di Malaysia seperti yang dihasilkan oleh Chee Phaik Ean pada tahun 1980³⁸ dan 1988³⁹, Ibrahim⁴⁰, Mohammad Raduan⁴¹, Abd. Rahim⁴², Zuraida⁴³ dan juga yang dihasilkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia berjudul **Peralatan Menangkap Ikan Di Malaysia**⁴⁴. Tulisan-tulisan tentang teknologi menangkap ikan ini secara keseluruhannya membicarakan tentang bagaimana peralatan itu dihasilkan dengan memberi tumpuan kepada reka bentuk, bahan dan saiz, cara dan kawasan operasi, jenis dan purata kuantiti tangkapan, bot yang digunakan dan juga bilangan nelayan yang terlibat. Peralatan yang dibincangkan hampir kesemuanya merupakan peralatan menangkap ikan di kawasan pantai.

Penjelasan tentang perusahaan perikanan di Semenanjung Malaysia masa kini telah ditulis oleh Mohammad Raduan dalam bukunya berjudul **Perusahaan Perikanan Di Semenanjung Malaysia**⁴⁵. Buku ini telah menjelaskan tentang penempatan nelayan, ciri-ciri kawasan perairan perikanan, metodologi menangkap ikan, pusat pendaratan ikan, mekanisme pemasaran dan juga keadaan sosioekonomi kaum nelayan. Persoalan yang hampir sama telah ditulis oleh Rashid Abdullah dalam bukunya **Perikanan**⁴⁶.

Dalam buku tersebut, beliau turut juga membicarakan tentang masalah-masalah dalam industri perikanan dan peranan yang dimainkan oleh Majuikan dalam memajukan sektor perikanan negara.

Persoalan tentang masalah dalam industri perikanan telah dikupas dengan panjang lebar oleh K.S. Jomo dalam bukunya bertajuk **Fishing For Trouble: Malaysia Fisheries, Sustainable, Development & Inequality**⁴⁷. Dalam buku tersebut, beliau telah menumpukan tentang masalah-masalah yang berhubung dengan orang tengah, pengeksploitasian, pencemaran laut dan juga polisi kerajaan.

Dalam pada itu terdapat beberapa orang pengkaji yang telah menulis tentang perusahaan perikanan dari sudut sejarah seperti yang telah dilakukan oleh Mohammad Raduan dalam bukunya **Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Udang : Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990**⁴⁸ dan juga yang dijalankan oleh Ismail Ali⁴⁹. Mohammad Raduan dalam bukunya secara sepintas lalu telah menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh *Taikong-taikong* Thai dalam perusahaan Pukat Tunda di Sabah, selepas negeri itu Merdeka. Sementara Ismail Ali pula dalam tesis Ijazah Doktor Falsafahnya⁵⁰, selain membincangkan perkembangan perusahaan perikanan mengikut tahap-tahap sejarah Negeri Sabah, beliau telah memberikan tumpuan khusus kepada perkembangan industri hiliran berasaskan hasil laut. Tesis ini juga secara sepintas lalu telah membincangkan peranan buruh perikanan asing dalam perkembangan perusahaan perikanan di Sabah.

Daripada penjelasan di atas dapat dirasakan bahawa bidang perikanan adalah suatu yang luas dan dapat ditulis atau dikaji daripada

pelbagai disiplin. Bagaimanapun kajian-kajian mengenai buruh perikanan baik tempatan mahupun asing di Malaysia masih terhad. Pada masa ini terdapat beberapa orang pengkaji inuda dari Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya yang telah mengkaji tentang penglibatan buruh perikanan Asia Tenggara, khususnya buruh perikanan Thai dalam perusahaan perikanan di Malaysia, antaranya termasuklah Siti Norbaizura⁵¹, Narzila⁵², Wan Nor Azizon⁵³, Ramzan⁵⁴, M. Nasuffian⁵⁵, Mohd Zainuddin⁵⁶, Suryani⁵⁷, Wan Mohd Nazulkifli⁵⁸ dan Hasan Bakil.⁵⁹ Kajian yang dijalankan oleh mereka sesuai dengan sifatnya sebagai Latihan Ilmiah, tidaklah begitu mendalam. Kajian yang mereka jalankan, rata-rata menyentuh tentang proses kemasukan buruh perikanan ke negara ini, kegiatan buruh perikanan sebelum, semasa dan selepas ke laut, pendapatan, tabungan dan hubungan buruh perikanan dengan majikan, penduduk tempatan dan kaum keluarga di tempat asal. Kesemua kajian di atas dijalankan di daratan, atau dengan kata lain pengkaji-pengkaji di atas tidak turun ke laut.

Seperti yang akan dibuktikan dalam Bab Dua nanti, kemajuan pesat industri perikanan di Semenanjung Malaysia yang tidak seiring dengan pembangunan sumber manusia telah mengundang kemasukan buruh asing khususnya buruh perikanan Thai ke dalam industri perikanan negara ini. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji cuba melihat proses kemasukan buruh perikanan Thai ke negara ini, jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan oleh mereka dan juga yang lebih penting bagaimana sistem pembahagian pendapatan, gaji atau upah yang diamalkan dalam perusahaan perikanan laut dalam negara ini dapat menarik dan mengawal buruh perikanan Thai bekerja di sini. Kajian sebegini belum pernah dijalankan sebelum ini.

1.5 PEMBAHAGIAN BAB

Penulisan tesis ini telah dibahagikan kepada enam bab. Penjelasan setiap bab tersebut akan diuraikan seperti di bawah.

Bab pertama, merupakan bab pendahuluan. Bab Pendahuluan ini akan membincangkan tentang permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, kawasan kajian, metodologi kajian, kajian-kajian terdahulu dan pembahagian bab.

Bab kedua, akan menjelaskan tentang perkembangan perusahaan perikanan di Semenanjung Malaysia secara umum, dan kemudiannya akan menjelaskan tentang latar belakang perusahaan perikanan di Tok Bali, Kelantan. Penjelasan akan ditumpukan terhadap perkembangan pendaratan ikan dan hasil perikanan, kuantiti dan nilai eksport dan import, bilangan vesel, bilangan perkakas dan juga bilangan nelayan.

Bab ketiga, akan membincangkan tentang proses kemasukan buruh perikanan Thai ke perusahaan perikanan di Tok Bali. Perkara yang akan diberi tumpuan termasuklah latar belakang buruh perikanan Thai, seperti umur, agama, taraf perkahwinan, tempat asal, faktor-faktor menolak dan faktor-faktor menarik untuk berhijrah, cara dan kos untuk datang ke Tok Bali. Selain daripada itu perbincangan akan juga menyentuh tentang prosedur-prosedur yang melibatkan dokumen perjalanan dan permit kerja buruh perikanan Thai.

Bab keempat, akan menjelaskan tentang jenis-jenis pekerjaan dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh buruh perikanan Thai sebelum pergi ke laut, semasa menjalankan operasi menangkap ikan di laut, dan juga semasa pulang dari laut. Turut dibincangkan juga kegiatan buruh perikanan Thai di

daratan ketika tidak ke laut dan selepas balik dari laut. Aktiviti semasa lapang seperti membuat unjam dan *membubu* pukat.

Bab lima, akan membincangkan tentang pendapatan utama dan pendapatan sampingan yang diperolehi oleh buruh perikanan Thai. Dalam hal ini perbincangan secara mendalam akan ditumpukan kepada sistem pembahagian pendapatan, yang diamalkan oleh pengusaha-pengusaha bot Pukat Jerut dan Bot Pukat Tunda yang melibatkan buruh perikanan Thai di Tok Bali. Selain daripada itu bab ini akan juga membincangkan tentang corak perbelanjaan buruh perikanan Thai semasa berada di Tok Bali dan seterusnya membincangkan jumlah, cara dan juga tujuan penabungan yang dibuat oleh buruh perikanan Thai.

Bab Keenam merupakan bab kesimpulan yang akan merumuskan penemuan-penemuan penting yang terdapat dalam kajian ini bagi keseluruhan penulisan tesis yang melibatkan buruh perikanan Thai di Tok Bali, Kelantan.

NOTA HUJUNG

- ¹ Siti Khalijah Daud, **Prinsip Sains Perikanan**, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1992, hal. 15.
- ² Mohd. Shaupi, "Status dan Prospek Industri Perikanan Laut Dalam Di Malaysia", Institute For Development Studies (SABAH), 1996, hal. 81.
- ³ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 2000**, Kuala Lumpur, 2000, hal. 1.
- ⁴ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 2000**, Kuala Lumpur, 2000, Jilid 1 hal. 28.
- ⁵ C. K Tan. "Membudidaya Ikan Di Malaysia : Satu Tinjauan Ringkas" Dalam Warta Akuakultur, Vol 5 No.1, Januari-Mac 1995, INFOFISH, Kuala Lumpur, 1995, hal. 16.
- ⁶ Abdul Aziz Abdul Rahman, Jumali janib, Wong Hin Wei, **The Maritime Sector And The Malaysian Economy**, Malaysian Institute of Maritime Affair (MIMA), Kuala Lumpur, 1995, hal. 15.
- ⁷ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1970**, Kuala Lumpur, 1970, hal. 17.
- ⁸ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 2000**, Kuala Lumpur, 2000, hal. 63.
- ⁹ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1970**, Kuala Lumpur, 1970, hal. 45.
- ¹⁰ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1999**, Kuala Lumpur, 1999, hal. 3.
- ¹¹ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1970**, Kuala Lumpur, 1970, hal. 50.
- ¹² Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 2000**, Kuala Lumpur, 2000, hal. 58.
- ¹³ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1970**, Kuala Lumpur, 1970, hal. 15.
- ¹⁴ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 2000**, Kuala Lumpur, 2000, hal. 61.
- ¹⁵ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1970**, Kuala Lumpur, 1970, hal. 50.
- ¹⁶ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 2000**, Kuala Lumpur, 2000, hal. 52.

-
- ¹⁷ Temubual dengan Encik Roslan (Pegawai Unit Sistem Maklumat Pengurusan Perikanan), pada 15 April 2002, pada 8.45 am.
- ¹⁸ Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 2001**, Kuala Lumpur, 2001, hal. 54.
- ¹⁹ Pejabat Perikanan Negeri Kelantan, " Swasta Turut Bangunkan Tok Bali", **Berita Perikanan**, September 1998, hal. 1.
- ²⁰ Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan, **Banci Penduduk Tahun 1991 dan 1996**, Kuala Lumpur, 1991 & 1996, hal. 1.
- ²¹ Hasil temubual dengan Ketua Unit Pengurusan, Jabatan Perikanan Kelantan. Berdasarkan perangkaan yang diberikan oleh Encik Mohd Rafi bin. Hassan, pada 17 April 2002, pada 10.15 a.m.
- ²² W. Miriam, **A Fishery For Modern Times**, Oxford University Press Inc, USA, 2001.
- ²³ B. Hrishikes, **Commercial Exploitation of Fisheries: Production, Marketing and Finance Strategies**, Oxford University Press, India, 2002.
- ²⁴ I. Suzanne, W. Michael & W. Robert , **Fish, Markets and Fishermen: The Economics of Overfishing**, Earthscan, 1999.
- ²⁵ H.J. Stephen, **The Effect of Fishing on Marine Ecosystem and Communities**, Blackell Science, Oxford, 1999.
- ²⁶ I.C. Danilo, **Overfishing in the Philippine Marine Fisheries Sector**, Economy and Environment, Program for Southeast Asia, Singapore, 1998.
- ²⁷ F. Sally, **Fishermen: A Community Living From the Sea**, Shaun Tyas, 1999.
- ²⁸ B. Maarten, **Marine Resorce Management Conflict and Regulation in the Fisheries of the Coromandel Coast: Conflict and Regulation in the Fisheries of the Coromandel Coast (Livelihood and Environment)**, Sage Publications Ltd, New Delhi, 2000.
- ²⁹ S. S. Olav (Ed.), **Governing High –seas Fisheries: The Interplay of Global and Regional Regimes**, Oxford University Press, London, 2001.
- ³⁰ T. C. Anthony & P. Copes, **Fishery Sosioeconomics**, Fishing News Books, 2003.
- ³¹ G. David & V. P. Manuel, **Fishers at Work, Workers at Sea; A Puerto Rican Journey Labor and Refuge**, Tample University Press, Philadelphia, 2001.

-
- ³² M. James, **Salt in the Blood: Scotland's Fishing Communities Past and Present**, Cannongate Books, United Kingdom, 1998.
- ³³ R. Raymond, **Malay Fishermen: Their Peasant Economy**, Routledge & Kegan Paul Ltd., London, 1966.
- ³⁴ Ishak Shari, **Ekonomi Nelayan: Pengumpulan Modal, Perubahan Teknologi Dan Perbezaan Ekonomi**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.
- ³⁵ Ishak Shari, **Technology And Social Change: The Impact of Technological Development Fishing Communities in East Coast of Peninsular Malaysia**, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1993.
- ³⁶ Amaluddin Bakeri, "Kesan Perkembangan Teknologi Perikanan Moden Terhadap Komuniti Nelayan Artisanal: Kajian Kes di Kampung Ru Sembilan, Pattani, Thailand", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Sesi 1997/98.
- ³⁷ Jahara Yahya, **The Socio-economic Impact of The Trawler Fishing Industry in Malaysia**, Faculty of Economics and Administration University of Malaya, Kuala Lumpur, 1977.
- ³⁸ P. E. Chee, **The Pukat Jerut Tuas Fishery of Teluk Bahang, Penang**, Ministry of Agriculture, Kuala Lumpur, 1980.
- ³⁹ P. E. Chee, **The Status of Tuna Fisheries of Malaysia**, Department of Fisheries, Kuala Lumpur, 1988.
- ⁴⁰ Ibrahim Johari, **The Status of Deep Sea Trawl Fishery off The East Coast of Peninsular Malaysia**, Jabatan Perikanan Malaysia, Kuala Lumpur, 1997.
- ⁴¹ Mohammad Raduan Mohd Ariff, **Teknologi Menangkap Ikan Di Sabah**, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993.
- ⁴² Abd. Rahim Ibrahim, **Teknologi Peralatan Perikanan**, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 1991.
- ⁴³ Zuraida Ali, **Teknologi Perikanan**, Penerbit Pinang, Petaling Jaya, 1995.
- ⁴⁴ Jabatan Perikanan Malaysia, **Peralatan Menangkap Ikan Di Malaysia**, Kuala Lumpur, 1989.
- ⁴⁵ Mohammad Raduan Mohd Ariff, **Perusahaan Perikanan Di Semenanjung Malaysia**, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988.
- ⁴⁶ Rashid Abdullah, **Perikanan**, Penerbit Prisma Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1991.

-
- ⁴⁷ K.S. Jomo, **Fishing For Trouble: Malaysia Fisheries, Sustainable, Development & Inequality**, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1991.
- ⁴⁸ Mohammad Raduan, **Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Undang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990**, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995.
- ⁴⁹ Ismail Ali, "Perkembangan dan Perubahan Teknologi Menangkap Ikan di Sandakan, Sabah 1750-1993", Tesis M.A, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1999.
- ⁵⁰ Ismail Ali, "Sejarah Perkembangan Industri Perikanan dan Industri Hiliran Berasaskan Hasil-hasil Laut Di Negeri Sabah, Tesis Ph.D, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2004.
- ⁵¹ Siti Norbaizura binti Ismail, "Penglibatan Buruh Perikanan Asia Tenggara Dalam Perusahaan Perikanan Di Malaysia: Kajian Kes Buruh Perikanan Indonesia Di Pelabuhan Bintawa, Kuching, Sarawak", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Sesi 2004/2005.
- ⁵² Narzila binti Abdullah, "Penglibatan Buruh Perikanan Thai Dalam Perusahaan Perikanan Di Malaysia: Kajian Kes Pelabuhan Tanjung Manis Sarikei, Sarawak", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Sesi 2004/2005.
- ⁵³ Wan Nor Azizon Mohd Norsaidi, "Penglibatan Buruh-buruh Perikanan Thai Dalam Perusahaan Perikanan Di Negeri Kelantan: Kajian Kes Kg. Kedai Buloh, Kota Baharu, Kelantan.", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Sesi 1999/2000.
- ⁵⁴ Ramzan b. Ismail, "Penglibatan Buruh Perikanan Thai Dalam Industri Perikanan di Kelantan: Kajian Kes Di Geting, Tumpat", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Sesi 1999/2000.
- ⁵⁵ M.Nasuffian Ishak, "Penglibatan Nelayan Thai Dalam Sektor Perikanan di Semenanjung Malaysia: Kajian Kes di Tok Bali, Kelantan", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Sesi 1998/99.
- ⁵⁶ Mohd Zainuddin Ibrahim, "Kemasukan Nelayan Thailand Mendatangkan Masalah Kepada Nelayan Tempatan: Kes Kajian Nelayan Kuala Besut", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Sesi 1990/91.
- ⁵⁷ Suryani Sungit, "Satu Kajian Mengenai Nelayan dan Buruh Perikanan Indonesia Di Dalam Perusahaan Perikanan di Melaka: Kajian Kes Kuala Sungai Baru, Melaka", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Sesi 1993/94.
- ⁵⁸ Wan Mohd Nazulkipli Wan Abdul Ghani, "Penglibatan Buruh Perikanan Thai Dalam Industri Perikanan di Terengganu: Kajian Kes di Kuala Besut", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Sesi 1995/96.

⁵⁹ Hasan Bakil, "Penguasaan Orang-orang Taosug Dalam Industri Perikanan di Sabah: Kajian Kes di Daerah Perikanan Semporna, Sabah", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Sesi 1995/96.